

# KONVENTSYEN KELESTARIAN KAMPUS HIJAU



KPKT melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah menganjurkan Konvensyen Kelestarian Kampus Hijau yang telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Ali bin Hamsa (Ketua Setiausaha Negara) bertempat di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 25 Mei 2017.

SWCorp telah mengambil inisiatif untuk menangani isu pengurusan sisa pepejal yang semakin meruncing dengan melaksanakan Program Green Campus bersama institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia bermula tahun 2014. Pelaksanaan program ini adalah bertujuan untuk mewujudkan platform perkongsian idea dalam kalangan warga IPT dalam mempraktikkan amalan kelestarian di kampus, melahirkan mahasiswa yang berfikiran jauh serta peka dan cakna akan isu-isu alam sekitar dan masa hadapan.

Konvensyen Kelestarian Kampus Hijau ini diadakan bagi memupuk budaya amalan 3R di institusi-institusi pengajian tinggi di seluruh negara. Ini adalah

seiring dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersih, indah dan sejahtera.

Konvensyen ini juga akan menjadi platform dalam menyampaikan maklumat kepada mahasiswa selaku peneraju pada masa hadapan yang akan menggalas tanggungjawab memelihara dan menjaga kebersihan serta kelestarian alam sekitar.

Konvensyen ini telah dihadiri lebih daripada 3,000 orang peserta yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta, ahli swasta, ahli akademik, mahasiswa-mahasiswi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat-syarikat konsesi.

Dalam majlis ini, UPM telah terpilih untuk menerima Anugerah Kursi Tan Sri Dr. Ali Hamsa yang merupakan pengiktirafan kerajaan kepada universiti awam dalam aspek kelestarian alam sekitar khususnya berkaitan pengurusan sisa pepejal. UPM menerima anugerah berbentuk sijil dan wang tunai dalam bentuk geran penyelidikan berjumlah RM300,000.00 yang akan disalurkan dalam tempoh tiga (3) tahun.

YBhg. Tan Sri KSN turut menyampaikan Anugerah Khas Kelestarian Kampus Hijau kepada Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Pengiktirafan ini diberikan kepada universiti awam yang mengamalkan inisiatif kelestarian di dalam kampus iaitu pembudayaan amalan 3R (Kurangkan, Guna Semula dan Kitar Semula), sistem pengangkutan yang mesra alam, penjimatan penggunaan tenaga dan air serta penyelidikan dalam bidang alam sekitar. Kelima-lima universiti awam ini menerima wang tunai berjumlah RM20,000.00 berserta sijil.



Selain itu, pengisian-pengisian lain pada kovensyen ini ialah:

- i. Forum Kelestarian Kampus Hijau;
- ii. Green Talk
- iii. Pelancaran Sistem Mobile Apps Negaraku Bersih;
- iv. Pelancaran 3R Sculpture Competition 2017; dan
- v. Pelancaran PutraBakti@Green.

Yang turut hadir semasa majlis ialah YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha KPKT), Prof. Datin Paduka Dr. Aini binti Ideris (Naib Canselor UPM), dan YBhg. Datuk Zulkapli bin Mohamed (Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp).

Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KPKT